

Sentuhan keibubapaan mencetus kejayaan anak-anak

UB 07.11.2012 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaiton.mohamad@yahoo.com

MINGGU ini merupakan minggu yang penuh dengan debaran. Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan nadi kepada semua orang yang pernah bergelar pelajar. Tatkala tiba musim peperiksaan SPM pasti perasaan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang mengambil peperiksaan tersebut akan turut sama merasai debaran kencang. Ramai ibu bapa yang bekerja mengambil cuti untuk menemani anak-anak belajar di rumah dan menghantar ke sekolah pada hari-hari peperiksaan. Ada juga sesetengah ibu bapa yang rela menunggu anak-anak di sekolah sambil anak-anak habis menduduki peperiksaan dan alangkah leganya apabila melihat anak-anak tersenyum apabila keluar dari

dewan peperiksaan.

Senario tersebut merupakan merupakan satu perkara yang normal bagi ibu bapa yang mempunyai dedikasi terhadap keluarganya. Setiap kejayaan anak-anak adalah kejayaan mereka. Keluarga yang sebegini adalah keluarga contoh yang terbaik dan hubungan kekeluargaan yang erat antara satu sama lain akan dapat menguatkan semangat untuk terus berjaya dalam akademik mahupun dalam matlamat hidupnya. Kebiasaannya hubungan yang harmoni dengan anak-anak serta adik beradik akan dapat dilihat apabila ada di kalangan mereka menghadapi ujian dalam hidup. Justeru itu dalam mencapai kejayaan dalam hidup seseorang tidak boleh hidup secara sendiri. Hidup yang bererti adalah kehidupan yang dipenuhi dengan kasih sayang antara satu sama lain dalam ahli keluarga. Mengapa dikatakan kasih sayang

daripada ahli keluarga diutamakan kerana dalam pepatah melayu ada mengatakan secarik-carik bulu ayam, lama-lama akan bertaut semula dan juga air dicincang tidak akan putus, malah seburuk buruk daging dibasuh tetap dimakan juga. Orang zaman dahulu ikatan kekeluargaan amat kuat dan akan saling bekerjasama dalam menyelesaikan sebarang permasalahan yang dihadapi. Berbanding pada ketika ini yang muda lebih menyombong diri dengan ilmu yang dimiliki walaupun pernah dididik dan dibimbing oleh orang yang lebih senior. Kadang-kadang anak murid yang telah diajar, dididik dan dibimbing untuk berjaya akan berani memijak kepala gurunya apabila menjawat jawatan di tempat yang sama. Alangkah kecewanya sekiranya ada di kalangan ahli keluarga kita yang memiliki keperibadian yang sedemikian.

Walau bagaimanapun sekiranya

terdapat hubungan yang erat antara ahli keluarga dan hidupnya dipenuhi dengan kasih sayang, mahabbah wa rahmah nescaya insan-insan yang memiliki keperibadian yang hina sebegitu tidak akan ramai. Malah perasaan ingin menghormati orang lain sama ada yang lebih tua mahupun sebaya dan sebagainya akan menyerlah. Begitu juga dalam berbudi bahasa mereka mampu membuat pengubahsuaian mengikut kategori yang selayaknya. Walaupun pada ketika ini terdapat jurang kemajuan teknologi maklumat namun komunikasi secara lisan bagi generasi boomer yang lahir pada tahun 1946-1964 adalah lebih berbudi bahasa dan mahir bermain dengan bahasa-bahasa kiasan dalam menyampaikan sesuatu samada untuk menasihati, mengkritik dan sebagainya. Manakala yang lahir pada tahun 1965-1980 pula dikenali dengan generasi x yang lebih berani dalam melakukan sesuatu untuk

mengatasi masalah yang dihadapi secara terbuka manakala generasi y yang lahir pada 1981-1999 adalah generasi yang terdedah kepada kemajuan teknologi maklumat dan lebih bersikap terbuka dalam segala hal. Malah mereka tidak begitu serius dalam kehidupan dan lebih sukakan sosial, hiburan serta mahir dalam menjalinkan hubungan antara satu sama lain. Hubungan kekeluargaan juga dikatakan semakin dingin kerana kesibukan masing-masing berinteraksi dengan bahan komunikasi masing-masing dan jarang menggunakan bahasa lisan walaupun berada bersama. Keadaan ini kemungkinan akan melahirkan generasi z iaitu yang lahir pada 2000 hingga sekarang yang tidak kisah dengan kehadiran guru dikelas untuk mengajar, mendidik dan sebagainya. Ini disebabkan mereka akan lebih berminat untuk membuat ulang kaji mata pelajaran melalui televisyen, alat-alat komunikasi

yang lebih canggih melalui atas talian sahaja sehinggakan apabila ingin berinteraksi dengan rakan, saudara mara dan ibu bapa serta masyarakat lebih kaku. Oleh yang demikian sempena musim peperiksaan ini adalah lebih baik ibu bapa berada bersama anak-anak yang akan menduduki peperiksaan dan berinteraksi secara lisan dalam memberikan sokongan moral. Selain itu juga digalakkan ibu bapa memeluk anak-anak dengan penuh kasih sayang dan memberikan kemaafan supaya Tuhan membuka pintu Hidayah dan RahmatNya kepada anak-anak untuk menjawab soalan peperiksaan dengan sebaiknya. Bahkan ibu bapa juga turut berdoa kepada Allah agar anak-anak dapat menjawab dengan sebaik mungkin. Ini disebabkan doa ibu bapa adalah mustajab dan mudah dimakbulkan Allah.

**Penulis adalah Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS*